



BERNAMA

PENGIKTIRAFAN: Rais menunjukkan Watikah Pengisytiharan Warisan Kebangsaan di Bangunan Parlimen di Kuala Lumpur, semalam.

Memorial khas negarawan dibina

BH: 7/7/2007

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan membina tugu peringatan atau memorial khas untuk tokoh dan negarawan sebagai menghargai jasa dan pengorbanan mereka mendapatkan kemerdekaan daripada penjajah British.

Ini, termasuk membina memorial bekas Timbalan Perdana Menteri, Allahyarham Tun Ghafar Baba, pengasas dan Presiden Pertama MCA, mendiang Tun Tan Cheng Lock dan bekas Presiden MIC yang dan juga pejuang kemerdekaan, mendiang Tun VT Sambanthan.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KeKKWa), Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata, usaha itu sebagai meneruskan kesinambungan membina tugu peringatan bagi memperingati semua bekas Perdana Menteri negara, termasuk Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Pembinaan tugu peringatan itu adalah usaha kerajaan mengiktiraf sumbangan tokoh dan pemimpin terbabit kepada pembangunan negara hingga kita mampu mencapai tahap seperti hari ini. Ini bukti kerajaan be-

nar-benar serius memartabatkan pemimpin terbilang negara yang mewakili semua kaum," katanya selepas pelancaran 50 Warisan Kebangsaan di Parlimen, semalam.

Beliau berkata, pembinaan tugu peringatan atau memorial khas itu adalah antara projek besar yang dirancang. Selain itu, kerajaan akan menumpukan kepada pembinaan semula Kota Melaka yang masih digali, pembangunan candi Lembah Bujang di Kedah dan penonjolan semula Perak Man di Lenggong, Perak.

Pengumuman rasmi 50 Warisan Kebangsaan dibuat untuk memberi kesedaran kepada masyarakat untuk turut sama menghargai, mewarisi, memelihara dan memperkembangkan warisan negara.

"Antara khazanah yang disenaraikan Warisan Kebangsaan ialah lagu *Negaraku*, mak yong, wayang kulit, bangsawan (tak ketara), Bangunan Parlimen, Istana Negara (Bangunan/ Tapak) dan bunga raya, manuskrip Hikayat Hang Tuah, Watikah Perisytiharan Kemerdekaan dan Perak Man (objek)," katanya. //